

21) PEMILIKAN PERUMAHAN DIKALANGAN BELIA

Adun : Y.B. Tuan Mu'izzuddeen Bin Mahyuddin (Hulu Bernam)

Kategori : Bertulis

Sesi : 2 (2025)

Sub soalan :

- a) Berapakah jumlah permohonan Rumah Selangorku dan Smart Sewa dikalangan belia bagi tempoh 5 tahun terkini?

Untuk makluman Yang Berhormat, berdasarkan rekod Sistem Permohonan Hartanah Negeri Selangor di Lembaga Perumahan Dan Hartanah Selangor, jumlah permohonan Rumah Selangorku yang telah diterima bagi golongan belia dari tahun **2020 sehingga 2024** adalah sebanyak **153,693 pemohon**. Manakala, jumlah permohonan yang telah diterima daripada kalangan belia bagi menyertai Skim Smart Sewa untuk tempoh **2020 hingga 2024** adalah sebanyak **984 permohonan**.

- b) Berapakah jumlah permohonan 'diluluskan' kepada belia bagi tahun tersebut?

Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan Negeri sangat komited dalam membantu golongan belia dalam pemilikan rumah pertama. Berdasarkan rekod Sistem Permohonan Hartanah Negeri Selangor di Lembaga Perumahan Dan Hartanah Selangor, jumlah permohonan Rumah Selangorku yang telah menerima tawaran bagi golongan belia dari tahun **2020 sehingga 2024** adalah sebanyak **39,950 pemohon**. Manakala, bagi Skim Smart Sewa pula, daripada jumlah **984 permohonan** yang telah diterima, kesemua permohonan telah diluluskan. Walaubagaimanapun hanya **903 pemohon** telah menyertai program. Baki berjumlah **81 pemohon** telah menarik diri.

